

Jenis Akhbar : Bernama Online
Tarikh : 08/07/2018
Edisi / Muka Surat : www.bernama.com
Tajuk : ANGKASA minta perkataan 'koperasi' kekal pada nama kementerian

Angkasa minta perkataan 'koperasi' kekal pada nama kementerian

Tarikh kemaskini: 08/07/2018

KUALA LANGAT, 8 Julai (Bernama) -- Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) memohon kerajaan mengekalkan penggunaan perkataan 'koperasi' pada nama mana-mana kementerian yang diberi tanggungjawab menjaga kepentingan koperasi.

Presidennya Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata 'kehilangan' perkataan koperasi pada nama kementerian baharu ibarat memberi isyarat kurang pentingnya peranan agensi terbabit sedangkan keanggotaannya setakat ini mewakili kira-kira 30 peratus rakyat Malaysia menerusi 14,000 koperasi seluruh negara.

"Buat masa ini, kedudukan Angkasa dan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) masih belum ditentukan untuk diletakkan di bawah kementerian apa," katanya kepada pemberita selepas merasmikan penutupan Mesyuarat Koperasi Pembangunan Daerah (KPD) Kuala Langat kali ke-29 di sini, hari ini.

Katanya banyak negara di seluruh dunia mengiktiraf peranan koperasi dan mempunyai kementerian khusus menyeliaanya selain penggunaan perkataan 'koperasi' pada nama kementerian bertujuan mengangkat martabat koperasi.

Sehubungan itu Abdul Fattah berharap kerajaan baharu dapat meneruskan kesinambungan dalam memberi peranan yang lebih luas dan memperkasa sektor koperasi di negara ini bagi membantu anggota koperasi menerima manfaat yang sewajarnya.

-- BERNAMA